

# PERBANDINGAN TAHAP SIKAP KEUSAHAWANAN, SUMBER DORONGAN, DAN EFIKASI KENDIRI DENGAN TAHAP ASPIRASI KEUSAHAWANAN MAHASISWA JURUSAN EKONOMI, UKM, UPM DAN USIM

*(COMPARISON OF THE ENTREPRENEURIAL ATTITUDE, SOURCE OF ENCOURAGEMENT, AND SELF-EFFICACY TOWARD ENTREPRENEURIAL ASPIRATION IN STUDENT DEPARTMENT OF ECONOMIC UKM, UPM and USIM)*

Farliyanna Rahimi<sup>1</sup>  
Nor Aishah Buang<sup>2</sup>

## Abstrak

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap aspirasi keusahawanan dengan sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri dalam kalangan mahasiswa UA tahun akhir. Kajian ini berbentuk kuantitatif deskriptif yang dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen dan perisian SPSS untuk penganalisan data. Seramai 285 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda jurusan Ekonomi tahun akhir daripada beberapa UA di sekitar Selangor iaitu di UKM, UPM dan USIM dipilih sebagai responden kajian. Teknik persampelan rawak berkelompok (cluster) digunakan bagi kajian ini. Penganalisan data yang digunakan ialah min dan sisihan piawai. Dapatan kajian mendapati julat min bagi ketiga-tiga UA ini adalah antara 3.81 hingga 4.32. Seterusnya pekali kolerasi Pearson menunjukkan bahawa sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri mempunyai hubungan yang signifikan, sederhana positif dengan tahap aspirasi keusahawanan ( $0.49 \leq r \leq 0.57$ ). Hasil kajian ini dapat memberi gambaran kepada pihak pentadbir pendidikan dalam memperbanyakkan lagi aktiviti keusahawanan terutamanya di peringkat UA supaya dapat melahirkan pelajar yang beraspirasi keusahawanan. Cadangan bagi kajian pada masa akan datang adalah mengenal pasti tahap aspirasi keusahawanan dengan tahap kemahiran, pemikiran keusahawanan dan tingkah laku dalam kalangan pelajar.*

**Kata kunci:** Sikap keusahawanan; Sumber Dorongan; Efikasi Kendiri

*This research is conducted to identify the level of entrepreneurial aspiration with entrepreneurial attitude, source of encouragement and self-efficacy in the final-year students of public universities (PU). This is a descriptive quantitative research which uses observation and questionnaire as an instrument with SPSS software to analyze data. 285 final-year Bachelor's Degree students majoring in Economy from various public universities (PU) were chosen as the research's respondent. Cluster sampling technique was used for this research. Min and standard deviation*

---

<sup>1</sup> Pelajar, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Tel:+60145284428 E-Mail: farliyannarahimi@gmail.com

<sup>2</sup> Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi Selangor, Tel: +60389216237 Email: noraishah1962@gmail.com

*are used for the analysis of data. The min range for all three public universities is 3.81 to 4.32. Subsequently, Pearson correlation coefficient shows that entrepreneurial attitude, source of encouragement and self-efficacy have significant relation, positively average with the level of entrepreneurial aspiration ( $0.49 \leq r \leq 0.57$ ). The findings of this research will give an idea to the education administrator to increase more entrepreneurship activities especially on a higher education institution level to produce entrepreneurial aspiration students. Future research could identify the level of entrepreneurial aspiration with skills level, entrepreneurial thinking and behavior among students.*

Keyword: Entrepreneurial Attitude; Source of Encouragement; Self-Efficacy

2017 GBSE Journal

## **Pengenalan**

Aspirasi atau cita-cita menjadi daya penggerak yang pertama ke arah sesuatu bidang kerjaya yang diinginkan. Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat daripada masyarakat yang bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang bekerja sendiri. Kerajaan menyarankan agar masyarakat bekerja sendiri dengan tidak mengharapkan bantuan orang lain untuk menyara diri dan keluarga. Ini bermaksud kerajaan secara tidak langsung telah menggalakkan masyarakat untuk berniaga, menghasilkan produk sendiri dan menjadi seorang usahawan. Dengan adanya kerjaya keusahawanan dalam bidang perniagaan bukan sahaja dapat meningkatkan taraf hidup individu dan masyarakat malah turut dapat menyumbang kepada peningkatan ekonomi negara. Selain itu, usahawan dapat menawarkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang lain, maka ianya secara tidak langsung dapat mengurangkan angka pengangguran di kalangan rakyat Malaysia.

Menurut Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun 2010, dalam Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam kajian ini mengenal pasti aspirasi kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar IPTA dan menentukan faktor- faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya keusahawanan tersebut. Lebih daripada separuh pelajar yang dikaji menyatakan pilihan mereka untuk menjadikan keusahawanan sebagai aspirasi kerjaya. Separuh daripada pelajar Melayu daripada jurusan bukan teknikal merupakan responden yang memilih kerjaya keusahawanan. Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011) adalah untuk melihat tahap kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan dalam kalangan 32 orang pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin. Kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti minat, sumber dorongan dan pemantapan budaya keusahawanan pelajar. Daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa semua pelajar menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Pelajar berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan. Pelajar juga didapati mempunyai sumber dorongan yang tinggi terhadap keusahawanan. Kajian juga mendapati kebanyakan program-program yang dilaksanakan dapat membudayakan keusahawanan dalam kalangan responden. Manakala Kajian yang dijalankan oleh Mohd Mustafa et al., (2013) bertujuan untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kecenderungan 55 orang pelajar tahun akhir program Diploma Perniagaan di Kolej Profesional MARA Beranang terhadap kerjaya sebagai usahawan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar menjadi usahawan adalah faktor motivasi, program pengajian dan sikap. Kajian juga

mencadangkan supaya pelajar diberi peluang untuk mengaplikasikan kemahiran keusahawanan di pusat pengajian.

Walaupun, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan mengenai kecenderungan dan kesediaan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan ataupun perniagaan namun kajian secara menyeluruh mengenai sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan belum diteliti dengan lebih terperinci di mana lebih memfokuskan kepada elemen sikap keusahawanan dan efikasi sendiri sahaja. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada tiga elemen iaitu sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan mengikut universiti yang dipilih.

Usahawan yang melepasi pelbagai halangan dalam bidang usahawan dilihat dapat memperoleh kejayaan dengan gemilang. Namun begitu menurut Ahmad (2004), sebahagian usahawan mempunyai masalah sikap sebagai penghalang kejayaan, atau lebih tepat sebagai penghalang terhadap kemenjadian usahawan. Menurut Mohd Makbul & Mohamad Harun (2003), keusahawanan merupakan teras dan tunjang sesebuah perniagaan. Keusahawanan dan pembentukan urus niaga baru, penting bagi mencipta dan mengekalkan ekonomi yang sihat kerana ia mencipta peluang-peluang pekerjaan baru, menambah keupayaan eksport Negara dan pertumbuhan ekonomi. Menurut Mohd Osman (2007), pula isu pengangguran dalam kalangan graduan bukan perkara baru dan menjadi masalah kepada Negara. Masalah pengangguran berlaku setiap kali universiti mengeluarkan beribu-ribu graduan setiap tahun. Kemahiran dan pengetahuan yang dimiliki oleh para graduan tidak dapat digunakan untuk menyumbang kepada pembangunan Negara.

Fenomena ledakan pendidikan, iaitu peningkatan dalam pengambilan pelajar ke institut pengajian tinggi awam (IPTA) dan institut pengajian tinggi swasta (IPTS) serta tempoh pembelajaran dan kursus yang dipendekkan, yang akan menyumbang kepada lebihan dalam penawaran buruh. Kenyataan ini disokong oleh Yusof, Mat Lazim dan Jamaluddin (2013) yang menyatakan pertambahan IPTA dan IPTS serta bilangan pelajar yang memasuki pusat pengajian tinggi telah meningkatkan lagi tekanan terhadap persaingan untuk mendapatkan pekerjaan dalam pasaran. Pada tahun 2000, jumlah keseluruhan pelajar yang berjaya dihasilkan oleh IPT di Malaysia yang terdiri daripada IPTA, IPTS, Kolej Tunku Abdul Rahman, politeknik dan kolej komuniti adalah seramai 116,673 orang. Jumlah ini telah meningkat kepada seramai 239,303 orang pada tahun 2010 (Kementerian Pengajian Tinggi, 2011). Bilangan penganggur Bumiputera adalah yang paling ramai berbanding graduan bukan Bumiputra sedangkan mereka terlatih dalam bidang kejuruteraan, sains dan kemasyarakatan. Ini adalah kerana graduan bukan Bumiputra lebih mudah diserapkan ke dalam perniagaan milik keluarga mereka (Halimah 2001). Selain itu, banyak kemahiran yang dimiliki selepas tamat pengajian di IPT tidak selari dengan penggunaan kemahiran semasa bekerja. Walaupun IPT di Malaysia berjaya mengeluarkan ribuan graduan setiap tahun, namun majoriti daripada mereka tidak berupaya untuk memenuhi tuntutan pasaran buruh kerana kekurangan kemahiran yang sangat diperlukan dalam pekerjaan terutamanya dari segi soft skill.

Di samping itu juga remaja mahupun pelajar sendiri selalu menghadapi kesukaran dalam membuat pilihan dan keputusan tentang bentuk kerjaya mana yang perlu diceburi (Nurinahafiza Mansor, 2012). Ini menunjukkan persediaan untuk menghadapi pekerjaan adalah satu proses yang kompleks. Ia menjadi lebih rumit lagi apabila mereka tidak mempunyai pengalaman dalam menentukan pekerjaan dan lemah dalam mempersiapkan diri dalam mencari pekerjaan yang sesuai. Tambahan pula, pemilihan bidang kerjaya pada hari ini semakin rumit disebabkan terdapatnya pelbagai kebolehan manusia. Di samping itu, kemajuan yang semakin pesat yang


dialami oleh negara juga telah menyebabkan bidang pengkhususan pekerjaan turut berkembang. Akibatnya, pemilihan kerjaya yang tidak sehaluan dengan kehendak dan kebolehan diri, berkemungkinan besar ia akan menjalani kehidupan yang lebih sukar untuk mendapatkan pekerjaan yang sesuai.

Selain itu, fenomena pelajar kurang berpengetahuan tentang sesebuah pekerjaan juga boleh menyebabkan pemilihan kerjaya mereka kurang bersesuaian dan tidak tepat. Terutamanya kepada graduan yang baru menamatkan pengajian dan tidak mempunyai pengalaman bekerja, pemilihan kerja yang tidak bertepatan akan menimbulkan konflik dalam diri pelajar dan ia sekaligus dapat memberi impak yang negatif terhadap kehidupan mereka pada masa akan datang (Nurinahafiza Mansor,2012). Hal ini terjadi disebabkan mereka menganggap tiada sumber yang boleh memberikan mereka maklumat dengan tepat tentang sesuatu pekerjaan itu. Seterusnya, kajian oleh Mohd Shahrir (2015) mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi pelajar-pelajar diploma Kejuruteraan politektik dalam menceburi bidang keusahawanan mendapati elemen sikap dan kecenderungan personaliti merupakan penghalang kepada penyertaan pelajar dalam bidang keusahawanan ataupun perniagaan di mana pelajar-pelajar tidak mempunyai kualiti yang diperlukan untuk menjadi seorang usahawan ataupun ahli perniagaan. Begitu juga dengan aspek tahap pengambilan risiko turut menjadi kekangan kepada pelajar untuk memulakan sesebuah perniagaan. Hal ini adalah kerana sekiranya tahap pengambilan risiko pada diri pelajar adalah rendah maka mereka tidak akan berani untuk menanggung sebarang risiko bagi menjalankan sesebuah perniagaan dan tidak akan melakukan perancangan untuk berniaga. Namun, menjadi kekangan kepada pelajar untuk menceburi bidang perniagaan apabila mereka tidak berani untuk mengambil risiko bagi menjalankan perniagaan kerana takut mengalami kerugian dan disebabkan mentaliti masyarakat yang jarang sekali menggalakkan anak-anak untuk menjadi majikan iaitu dengan menjalankan perniagaan sendiri dan tidak bergantung kepada pekerjaan daripada sektor awam mahupun swasta semata-mata bagi memperolehi pendapatan bagi pembangunan kehidupan mereka.

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dilakukan dalam bidang keusahawanan dan perniagaan mengenai kecenderungan dan kesediaan pelajar dalam menceburi bidang keusahawanan ataupun perniagaan namun kajian secara menyeluruh mengenai tahap sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan belum diteliti dengan lebih terperinci di mana lebih memfokuskan kepada elemen sikap sahaja. Oleh itu, kajian yang dijalankan ini akan memfokuskan kepada tiga elemen iaitu sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan dalam kalangan pelajar tahun akhir di beberapa UA sekitar Selangor iaitu UKM, UPM dan USIM untuk melihat tahap dan perkaitan bagi kesemua pemboleh ubah.

## Teori/ Model

Model yang digunakan didalam kajian ini adalah berdasarkan *model Ajzen's Theory Of Planned Behavior*.



Sumber: Ajzen, I. 1991. Theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50:179–211.

Berdasarkan model ini, model ini mengenal pasti tiga faktor yang menyumbang kepada pembentukan niat. Faktor tersebut ialah sikap, norma-norma sosial dan juga kelayakan yang menyumbang kepada pembentukan niat seseorang. Untuk konstruk sikap, sikap ini bergantung kepada harapan dan kepercayaan tentang kesan peribadi hasil akibat daripada tingkah laku. Secara empirik, kita mendapatkan hasil mengkritik tingkah laku daripada kumpulan fokus dan pakar. Kami kemudian mengukur jangkaan keputusan mata pelajaran dan kebarangkalian anggapan yang berlaku. Untuk konstruk norma-norma sosial pula merupakan persepsi apa yang orang-orang penting dalam kehidupan seseorang individu berfikir tentang melakukan tingkah laku tertentu. Termasuk harapan keluarga individu tentang keinginan untuk menjadi seorang peguam, doktor, atau usahawan. Untuk memeriksa kesahihan konstruk, ini norma-norma sosial subjektif perlu bergantung kepada sokongan yang diharapkan daripada orang lain yang penting. Konstruk ini juga mengenal pasti pengaruh sosial yang paling penting (sebagai contoh, ibu bapa, lain yang penting, rakan-rakan) termasuk apa-apa "model peranan" atau "mentor. manakala konstruk yang terakhir ialah Perceived Feasibility iaitu kelayakan yang dapat dilihat dan merupakan kawalan tingkah laku. Menurut Bandura (1986) persepsi tingkah laku mengawal pertindihan, manakala menurut Ajzen (1987) keberkesanan diri (efikasi sendiri) dilihat sebagai keupayaan yang dilihat untuk melaksanakan tingkah laku sasaran. Berdasarkan pernyataan diatas, dapat dilihat daripada sikap, norma-norma sosial iaitu (sumber dorongan dan Perceived Feasibility iaitu efikasi sendiri menyumbang kepada niat. didalam kajian ini, dapat dilihat, sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri menyumbang kepada aspirasi keusahawanan.

## Metodologi

Reka bentuk kajian ini ialah kuantitatif deskriptif yang dilakukan secara tinjauan dengan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Seramai 285 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda jurusan Ekonomi tahun akhir daripada beberapa Universiti Awam (UA) di sekitar Selangor iaitu di UKM, UPM dan USIM dipilih sebagai responden kajian. Teknik persampelan rawak berkelompok (*cluster*) digunakan bagi kajian ini.

Bagi menganalisis data, analisis deskriptif telah digunakan dan interpretasi untuk tahap, Jadual 1 adalah dirujuk.

**Jadual 1: Skor Min dan Interpretasi**

Skor Min	Interpretasi
1.00-2.00	Sangat rendah
2.01-3.00	Rendah
3.01-4.00	Sederhana
4.01-5.00	Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2006). Laporan kajian penilaian graduan NPQH. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.

### Dapatan dan Perbincangan

Mengenalpasti tahap aspirasi keusahawanan dengan sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri dalam kalangan mahasiswa UA tahun akhir jurusan Ekonomi.

**Jadual 2: Keseluruhan skor tahap sikap keusahawanan, sumber dorongan, efikasi sendiri dan aspirasi keusahawanan mahasiswa tahun akhir jurusan Ekonomi, UKM.**

Pemboleh ubah	N	Min	S.P	Interpretasi
Sikap keusahawanan	95	3.84	.44	Sederhana
Sumber dorongan	95	3.82	.54	Sederhana
Efikasi sendiri	95	4.07	.42	Tinggi
Aspirasi keusahawanan	95	4.17	.43	Tinggi

Berdasarkan Jadual 2 di atas, jelas menunjukkan tahap efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan berada pada tahap tinggi, manakala tahap sikap dan sumber dorongan terhadap aspirasi keusahawanan berada pada tahap sederhana. Dapat dilihat juga menerusi nilai keseluruhan skor bagi kesemua pemboleh ubah, di mana mahasiswa lebih menguasai efikasi sendiri berbanding sikap keusahawanan dan sumber dorongan terhadap aspirasi keusahawanan dengan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.07.

**Jadual 3: Keseluruhan skor tahap sikap keusahawanan, sumber dorongan, efikasi sendiri dan aspirasi keusahawanan mahasiswa tahun akhir jurusan Ekonomi, UPM.**

Pemboleh ubah	N	Min	S.P	Interpretasi
Sikap keusahawanan	95	4.07	.31	Tinggi
Sumber dorongan	95	3.95	.52	Sederhana
Efikasi sendiri	95	4.06	.46	Tinggi
Aspirasi keusahawanan	95	4.32	.41	Tinggi

Berdasarkan Jadual 3 di atas, jelas menunjukkan tahap sikap keusahawanan dan efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan berada pada tahap tinggi, manakala tahap sumber dorongan terhadap aspirasi keusahawanan berada pada tahap sederhana. Dapat dilihat juga menerusi nilai keseluruhan skor bagi kesemua pemboleh ubah, di mana mahasiswa lebih menguasai sikap keusahawanan berbanding sumber dorongan dan efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan dengan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.06

**Jadual 4: Keseluruhan skor tahap sikap keusahawanan, sumber dorongan, efikasi sendiri dan aspirasi keusahawanan mahasiswa tahun akhir jurusan Ekonomi, USIM.**

Pemboleh ubah	N	Min	S.P	Interpretasi
Sikap keusahawanan	95	3.81	.32	Sederhana
Sumber dorongan	95	3.70	.58	Sederhana
Efikasi sendiri	95	4.00	.45	Tinggi
Aspirasi keusahawanan	95	4.11	.43	Tinggi

Berdasarkan Jadual 4 di atas, jelas menunjukkan tahap efikasi sendiri terhadap aspirasi keusahawanan berada pada tahap tinggi, manakala tahap sikap keusahawanan dan sumber dorongan terhadap aspirasi keusahawanan berada pada tahap sederhana. Dapat dilihat juga menerusi nilai keseluruhan skor bagi kesemua pemboleh ubah, di mana mahasiswa lebih menguasai efikasi sendiri berbanding sikap keusahawanan dan sumber dorongan terhadap aspirasi keusahawanan dengan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.00

**Jadual 4: Hubungan korelasi antara sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri dengan aspirasi keusahawanan mahasiswa tahun akhir jurusan Ekonomi, UKM, UPM dan USIM**

Pemboleh ubah	Nilai korelasi	Nilai signifikan (p)
Sikap keusahawanan	0.57**	0.00
Sumber dorongan	0.51**	0.00
Efikasi sendiri	0.49**	0.00

Dapatan kajian menunjukkan tahap aspirasi keusahawanan selaku pemboleh ubah bersandar dan kesemua pemboleh ubah bebas iaitu sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri mempunyai hubungan yang sederhana, pada aras signifikan 0.01 dengan nilai koefisien r tersebar di antara 0.51 hingga 0.58. komponen sikap keusahawanan mempunyai hubungan yang sederhana ( $r = 0.57$ ) dengan aspirasi keusahawanan berbanding komponen sumber dorongan dan efikasi sendiri yang mempunyai hubungan yang sederhana iaitu dengan nilai  $r = 0.49$  dan  $0.51$ .

Berdasarkan dapatan kajian ini, di dapati selari dengan hasil kajian. Baharu Kemat & Mohammed Zain (2013) dalam kajian mereka mengenai sikap keusahawanan dan hasrat keusahawanan, mendapati pendekatan sikap adalah lebih tepat dalam meramal kecenderungan keusahawanan berbanding pendekatan lain. Penyelidik menggunakan model sikap dalam mengkaji kecenderungan keusahawanan. Pendekatan ini adalah satu pendekatan terbaik dalam menerangkan usahawan berbanding pendekatan ciri-ciri personaliti atau demografi. Penyelidik menggunakan instrumen ujian kecenderungan orientasi sikap keusahawanan yang dibangunkan oleh Robinson et al. (1991) untuk menguji kebolehpercayaan dalam meramal sikap terhadap keusahawanan dan mendapati nilai alpha menunjukkan nilai yang tinggi dan konsisten terutamanya pada elemen pencapaian.

Manakala hasil dapatan kajian yang dijalankan oleh Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010) mendapati Hubungan positif wujud antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dan ciri keusahawanan, sikap positif terhadap kerjaya keusahawanan dan pelajar berlainan bangsa. Di samping itu, wujud juga hubungan positif antara sikap terhadap kerjaya keusahawanan dan ciri keusahawanan pelajar. Walau bagaimanapun, wujud hubungan negatif antara minat terhadap kerjaya keusahawanan dan pelajar yang mempunyai ahli keluarga peniaga. Kajian ke atas kecenderungan keusahawanan pelajar di Malaysia turut melihat faktor-faktor yang telah mendorong graduan menceburi bidang keusahawanan.

Dalam kajian yang dilakukan oleh Mohd Osman (2007) telah mengenal pasti empat faktor yang mendorong graduan dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia menceburi bidang keusahawanan iaitu faktor latar belakang usahawan, faktor motivasi, faktor sikap dan faktor kemahiran. Hasil kajian mendapati, faktor latar belakang keluarga tidak mempengaruhi graduan untuk menjadi usahawan. sebaliknya, faktor motivasi, sikap dan kemahiran menjadi faktor penting yang telah mendorong graduan menceburi bidang keusahawanan.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Adam, Abdul Razak dan Abu Bakar (2011) adalah untuk melihat tahap kecenderungan pelajar terhadap bidang keusahawanan dalam kalangan 32 orang pelajar pelajar semester akhir Kolej Komuniti Jasin. Kajian tersebut adalah untuk mengenal pasti minat, sumber dorongan dan pemantapan budaya keusahawanan pelajar. Daripada kajian yang dijalankan didapati bahawa semua pelajar menunjukkan kecenderungan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Pelajar berminat untuk memulakan perniagaan sekiranya diberi peluang dan sumber yang diperlukan. Pelajar juga didapati mempunyai sumber dorongan yang tinggi terhadap keusahawanan. Kajian juga mendapati kebanyakan program-program yang dilaksanakan dapat membudayakan keusahawanan dalam kalangan responden. Justeru, dapatan ini menyokong hasil dapatan mereka yang mana dapat dilihat elemen sikap keusahawanan dan juga efikasi sendiri pelajar lebih tinggi terhadap aspirasi keusahawanan.

## **Kesimpulan**

Hasil kajian ini mendapati bahawa tahap aspirasi keusahawanan mahasiswa tahun akhir jurusan Ekonomi, UKM, UPM dan USIM adalah pada tahap sederhana dan tinggi. Bagi tahap sikap keusahawanan, sumber dorongan dan efikasi sendiri pula pada tahap sederhana dan sekiranya melihat kepada keseluruhan skor min bagi ketiga-tiga UA ini, mahasiswa UPM mempunyai skor min yang lebih tinggi berbanding mahasiswa UKM dan USIM. Manakala bagi hubungan pula, sikap keusahawanan, sumber dorongan, dan efikasi sendiri mempunyai hubungan yang sederhana dengan aspirasi keusahawanan. Secara keseluruhannya, mahasiswa terutamanya mahasiswa jurusan Ekonomi masih kurang berminat untuk beraspirasi keusahawanan. Oleh sebab itu, pihak institusi lazimnya perlulah menambah lagi program berbentuk keusahawanan agar bidang keusahawanan ini dapat didedahkan kepada mahasiswa dan dapat menarik minat mereka untuk beraspirasi keusahawanan sejajar dengan saranan kerajaan untuk meningkatkan jumlah usahawan dalam kalangan mahasiswa.

Dalam konteks yang lain, penglibatan pelajar didalam dunia keusahawanan secara tidak langsung memberikan kesan kepada negara kita. Usahawan merupakan peneraju ekonomi Negara. Mereka memainkan peranan yang sangat penting terhadap pembangunan masyarakat dan negara. Sumbangan usahawan amat penting dalam usaha mewujudkan masyarakat yang makmur. Mereka dianggap sebagai sumber atau pencetus idea baru dalam pra-penubuhan, semasa dan selepas penubuhan firma. Idea yang dijana tidak semestinya asli, namun dapat menggalakkan penghasilan produk atau perkhidmatan yang baru. Penghasilan produk atau perkhidmatan baru ini dapat menambahkan nilai barangan atau perkhidmatan tersebut. Selain itu, usahawan yang melihatkan masalah yang wujud sebagai peluang idea perniagaan juga mempunyai sumbangan. Dengan wujudnya peluang dan idea baru, usahawan akan melaksanakan perancangan. Perancangan mengenai struktur perniagaan, penyelidikan dan penghasilan produk atau perkhidmatan baru akan dijalankan. Misalnya, apabila berlaku jerebu yang menjejaskan kualiti udara dan sistem pernafasan, usahawan akan menyelidik dan menghasilkan topeng mulut bagi masyarakat. Dengan ini, topeng mulut merupakan produk baru hasil daripada masalah yang wujud di persekitaran selaras dengan perancangan yang teliti sebelum penghasilan produk baru. Usahawan juga memenuhi keperluan dan menambahkan pilihan barangan dalam pasaran. Masyarakat kita mempunyai keperluan dan kehendak yang perlu dipenuhi. Usahawan akan menghasilkan produk atau perkhidmatan yang dapat memenuhi keperluan dan kehendak masyarakat. Usahawan telah menghasilkan pelbagai jenis barang keperluan asas seperti makanan, rumah, pakaian dan sebagainya dengan banyak variasi. Masyarakat akan mempunyai lebih banyak pilihan terhadap barangan asas. Barang mewah yang berteknologi tinggi dan berinovasi seperti



kereta, komputer, televisyen dan kamera turut dihasilkan oleh usahawan yang kreatif. Oleh itu, usahawan dapat memenuhi keperluan dan juga memberi kepuasan yang maksimum kepada masyarakat.

Kesimpulannya, usahawan sememangnya memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada pembangunan dan kemajuan negara. Usahawan dari sudut mikro, telah menekankan hubungan antara usahawan dan penubuhan syarikat serta penghasilan produk. Dari aspek makro pula, sumbangan usahawan kepada kemajuan ekonomi dan negara adalah sangat besar. Usahawan yang berjaya seperti Dato Robert Kuok turut memberi inspirasi kepada usahawan muda yang lain untuk terus memberi sumbangan terhadap masyarakat dan negara serta menjadi peneraju ekonomi Malaysia pada masa depan. Namun begitu, usaha untuk memastikan penglibatan pelajar didalam dunia keusahawanan ini perlulah bermula sejak dari awal lagi. Pelbagai pendekatan perlu diambil oleh pihak pentadbiran khususnya di peringkat pengajian tinggi perlu diambil agar pelajar dapat beraspirasi keusahawanan dan seterusnya memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya mereka selepas tamat pengajian nanti.

### **Penghargaan**

Terima kasih yang tidak terhingga kepada semua individu yang telah terlibat dan membantu dalam menyiapkan kajian ini secara langsung ataupun tidak langsung. Terima kasih yang tidak terhingga kepada Prof. Dr. Nor Aishah Buang selaku penyelia, di atas segala bimbingan dan tunjuk ajar beliau. Seterusnya, jutaan terima kasih kepada responden bagi kajian ini iaitu pelajar-pelajar tahun akhir Ijazah Sarjana Muda jurusan Ekonomi di UKM, UPM dan USIM yang sudi memberi kerjasama dalam menjawab soal selidik bagi kajian ini. Sejuta kemaafan dihulurkan sekiranya terdapat kesilapan dan kekurangan dalam kajian ini, segala kekurangan harap dimaafkan. Sesungguhnya yang baik itu datangnya dari Allah dan yang buruk itu datangnya dari kelemahan saya sendiri.

### **Rujukan**

- Adam, A., Abdul Razak, S. dan Abu Bakar, M. H. (2011). Kecenderungan PelajarPelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Jasin Terhadap Keusahawanan. Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin.
- Adam, A., Abdul Razak, S. dan Abu Bakar, M. H. (2011). Kecenderungan PelajarPelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Jasin Terhadap Keusahawanan. Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin.
- Ajzen I, Fishbein M (2005) The Influence of Attitudes on Behavior. In: Albarracin D, Johnson B, Zanna M (eds.) The Handbook of Attitudes. Lawrence Erlbaum Associates, Mahwah, pp. 173–221
- Ajzen, I. 1987. Attitudes, traits, and actions: Dispositional prediction of behavior in social psychology. *Advances in Experimental Social Psychology* 20:1–63.
- Ajzen, I. 1991. Theory of planned behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50:179–211.
- Bandura A (1986) *Social Foundations of Thought and Action: A Social Cognitive Theory*. Prentice Hall, Englewood Cliffs
- Mohd Mustafa, U. A., Mohd Daud, S., Mohd Senon, M. dan Mohd Ismail, N.B. (2013). Kecenderungan Kerjaya Sebagai Usahawan Dalam Kalangan Pelajar Bumiputera Tahun Akhir Diploma Perniagaantani, Kolej Profesional Mara Beranang. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDEC).
- Mohd Osman, M. H. (2007). Faktor-faktor Yang Telah Mendorong Graduan dan Alumni Universiti Teknologi Malaysia Menceburi Bidang Keusahawanan. *Vot Penyelidikan* 75004. Universiti Teknologi Malaysia
- Nor Aishah (2011). Psikometriks Indeks Keushawanan Nor Aishah (PIKEN). (<http://demo.olpei.com/>).3/11/2016

Norfadhilah Nasharudin & Halimah Harun (2010) Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam